

Soalan No: 62

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]**

**TARIKH : 1.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian akan membantu anak-anak pelarian asing seperti Rohingya untuk mendapat pendidikan, dan adakah mereka boleh menikmati pendidikan percuma oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah tetapi tertakluk kepada Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti berikut:

- (i) anak kakitangan kedutaan asing;
- (ii) anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- (iii) anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iv) kanak-kanak yang dipilih oleh kerajaan kanak-kanak itu untuk

melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu.

Penerimaan masuk murid bukan warganegara juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), membayar fi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan mengemukakan borang permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu akses pendidikan kepada kanak-kanak pelarian Rohingya, Myanmar, kerajaan memutuskan agar kanak-kanak pelarian tersebut diberikan pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif (PBA). KPM telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran PBA yang boleh ditubuhkan sama ada oleh pihak Kerajaan, syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROC) serta badan bukan kerajaan atau pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS), Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memberikan komitmen antarabangsa dalam pemerkasaan hak kanak-kanak dengan menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* atau *CRC*) pada tahun 1995, namun mempunyai reservasi kepada beberapa Artikel termasuk Artikel 28(1)(a) yang menghendaki sesebuah negara memberikan pendidikan rendah secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan.

**SOALAN (63)****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 [SELASA]**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN]**

**SOALAN :-**

**YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

- a. bilangan profesional seperti akauntan, doktor, doktor gigi, jurutera, peguam, juru ukur dengan mengikut kaum; dan
- b. bilangan profesional berkaitan per 100,000 mengikut kaum masing-masing dan usaha berkesan untuk merapatkan jurang antara kaum itu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bilangan profesional merujuk kepada profesional yang berdaftar dengan Pertubuhan dan Lembaga Profesional mengikut bidang pekerjaan masing-masing. Berdasarkan maklumat sekunder yang dikumpul oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan ahli profesional yang berdaftar pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1: Bilangan ahli profesional yang berdaftar, Malaysia, 2014**

Profesion	2014
Arkitek	3,688
Akauntan	30,538
Jurutera	84,344
Doktor gigi	5,888
Doktor	45,565
Doktor veterinar	2,012
Juruukur	5,951
Peguam	18,108

Sumber: Buku Tahunan Perangkaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, perincian mengikut kaum/kumpulan etnik tidak tersedia di Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh untuk mendapatkan indikator makro berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, bilangan guna tenaga kategori pekerjaan profesional pada tahun 2016 dianggarkan sebanyak 1,755,200 orang dengan pecahan 1,138,200 etnik Bumiputera, 450,800 etnik Cina dan 115,000 etnik India. Statistik penduduk bekerja mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik utama bersumberkan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016 diperincikan seperti di **Jadual 2**.

Maklumat pekerjaan ini diklasifikasikan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 yang diterbitkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Statistik ini adalah berasaskan jawapan responden melalui kajian yang dilaksanakan secara sampel berkebarangkalian melalui pendekatan isi rumah.

- b) Statistik bagi bilangan profesional berkaitan per 100,000 mengikut kaum masing-masing tidak tersedia di Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sekian, terima kasih

1Ogos 2017

**Jadual 2: Bilangan penduduk bekerja mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik, Malaysia, 2016**

(’000)

	Orang Asli	Melayu	Orang Cina	Orang India	Orang Eropah	Orang Lain	Jumlah
<b>JUMLAH</b>	<b>14,163.7</b>	<b>11,598.4</b>	<b>7,892.0</b>	<b>3,106.7</b>	<b>861.9</b>	<b>97.9</b>	<b>2,205.3</b>
<b><u>Pekerjaan</u></b>							
<b>Pengurus</b>	658.5	637.1	277.2	314.4	42.4	3.0	21.5
<b>Profesional</b>	1,755.2	1,712.0	1,138.2	450.8	115.0	8.0	43.2
<b>Juruteknik dan profesional bersekutu</b>	1,453.5	1,424.6	928.6	381.6	108.3	6.1	28.9
<b>Pekerja sokongan perkeranian</b>	1,163.8	1,141.4	679.2	378.6	78.8	4.8	22.3
<b>Pekerja perkhidmatan dan jualan</b>	3,176.3	2,767.2	1,852.9	751.1	130.1	33.1	409.2
<b>Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan</b>	872.0	792.3	678.4	92.4	15.0	6.6	79.7
<b>Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan</b>	1,570.3	1,280.9	778.6	416.8	68.8	16.8	289.4
<b>Operator mesin dan loji, dan pemasang</b>	1,669.8	1,301.6	873.9	201.4	217.6	8.7	368.1
<b>Pekerja asas</b>	1,844.2	901.3	685.1	119.5	85.9	10.8	942.9

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

## SOALAN ( 64 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 1 OGOS 2017  
[ SELASA ]  
DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI]

## SOALAN :-

YB Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) senarai kawasan-kawasan perumahan rakyat (PPR) yang akan menjalani pembangunan semula; dan
- (b) apakah tawaran dan pampasan yang diberikan kepada penghuni sedia ada yang terlibat dengan pembangunan semula ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini tiada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dicadangkan untuk proses pembangunan semula. Pada masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menumpukan usaha bagi pembinaan unit-unit baharu PPR agar lebih ramai golongan sasaran iaitu golongan setinggan dan berpendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan. Walau bagaimanapun, cadangan proses pembangunan semula ini akan dikaji mengikut kesesuaian keperluan dari semasa ke semasa.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017